

A vibrant photograph of several young children of diverse ethnicities playing a game of tug-of-war on a dirt ground. They are all smiling and appear to be having fun. In the background, there's a motorcycle and some buildings, suggesting a rural or semi-rural setting.

BAB 5

Meningkatkan Kesihatan dan
Kesejahteraan Bander

5

MENINGKATKAN KUALITI KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR


5.1 Perbandaran dan Kehidupan di WKN

Menurut *World Health Organization* (WHO), urbanisasi dan kehidupan perbandaran merupakan proses berskala global yang memberi kesan pada landskap sosial dan alam sekitar di setiap negara. Situasi ini berlaku berikutan migrasi penduduk dari kawasan luar bandar serta pertumbuhan semula jadi demografi bandar. Lebih daripada 50% penduduk dunia memilih untuk menetap di kawasan bandar pada tahun 2007, dan peratusan ini kian meningkat setiap tahun.

Malaysia juga menghadapi situasi yang sama. Mengikut laporan yang diterbitkan Bank Dunia bertajuk '*East Asia's Changing Landscape: Measuring a Decade of Spatial Growth*' pula, Malaysia merupakan negara keempat di Asia Timur yang mempunyai jumlah tepu bina paling besar. Menjelang tahun 2010, kawasan perbandaran di Kuala Lumpur merupakan yang ke lapan terbesar di rantau ini melangkaui bandar mega lain seperti Jakarta, Manila dan Seoul. Kadar pertumbuhan populasi bandar di Malaysia mencecah 4.0% setahun, di mana secara puratanya merupakan antara kadar paling tinggi di Asia Timur.

WKN merekodkan 96.4% penduduknya kini tinggal di kawasan bandar dan peratusan ini akan terus meningkat menjelang tahun 2040. WKN yang merupakan nadi pembangunan negara mempunyai taburan penduduk yang tinggi serta menjadi pusat tumpuan kegiatan ekonomi di Malaysia.

Rajah 5.1: Kadar
Perbandaran Wilayah
Konurbasi Nasional



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015

Urbanisasi dan perubahan persekitaran bandar merupakan cabaran utama dalam meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan penduduk. Peningkatan populasi di bandar memberi kesan pada kualiti ekosistem di peringkat global dan tempatan, manakala persekitaran bandar memainkan peranan yang sangat penting kepada kesihatan awam.

Ini berikutan isu perbandaran yang berkait dengan pembuangan sisa pepejal, penyediaan air dan kumbahan yang bersih dan berterusan, keselamatan, serta perkaitan antara tahap kemampuan penduduk bandar, kualiti alam sekitar dan juga kesejahteraan kehidupan perbandaran.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat di WKN mempunyai tanggungjawab bersama dan memainkan peranan utama dalam membentuk serta memastikan persekitaran WKN yang berdaya huni dan sejahtera.

Peranan PBT di WKN ini perlu seiring dengan komitmen negara untuk mencapai sasaran pembangunan di peringkat global. Ini berikutan Agenda Perbandaran Baharu dan *Sustainable Development Goals* oleh *United Nations*, serta Teras Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni di dalam dokumen Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3) yang menekankan keperluan pengintegrasian konsep pembangunan mampan bagi meningkatkan kesamarataan, kebijakan dan kemakmuran bersama. Kesihatan awam dan kesejahteraan penduduk di dalam setiap kawasan PBT menjadi asas dalam perancangan strategik dan pelaporan di peringkat wilayah dan negara.


Komitmen Negara

Rancangan Fizikal Negara Ke-3

Merupakan dokumen perancangan tertinggi dalam rangka kerja pembangunan negara. Ianya mengandungi perancangan fizikal yang menterjemah dasar-dasar strategik dan sektoral negara dalam konteks spatial dan fizikal. Matlamat RFN Ke-3 ini adalah untuk mencapai negara yang berdaya tahan dan berdaya huni melalui pembangunan dan perancangan mampan.

Teras 3 dalam RFN Ke-3 ini menekankan pembentukan komuniti inklusif dan berdaya huni melalui penyediaan kediaman yang sesuai, peningkatan akses kepada kemudahan komuniti dan pekerjaan serta penyediaan persekitaran yang bersih dan selamat bagi memastikan kesejahteraan komuniti di Malaysia. Penerapan strategi-strategi di dalam teras 3 ini menjadi fokus WKN dalam meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan bandar.

Teras 3: Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni



Komitmen Global

Sustainable Development Goals

Merupakan agenda global untuk mewujudkan pelan tindakan yang memelihara dan menggalakkan keperluan asas manusia. Terdapat 17 SDG Goals mengimbangi dimensi pembangunan bersepada termasuklah membentuk bandar dan petempatan manusia yang lebih inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan.



SDG 11 yang memberi penekanan pada perbandaran mampan dan kesejahteraan bandar merupakan matlamat yang lebih berkait dengan WKN. Sasaran SDG 11 mempunyai 10 target menjelang tahun 2030 yang merangkumi dimensi berbeza bagi kehidupan perbandaran dan pembangunan bandar.

Habitat III, Agenda Perbandaran Baharu

Komitmen transformatif global untuk mencapai pembangunan bandar mampan, tahap bandar dan penempatan manusia yang memberi hak dan peluang sama rata bagi semua. Agenda ini membuka ruang dalam pengintegrasian konsep pembangunan mampan bagi meningkatkan kesamarataan, kebajikan dan kemakmuran bersama. Matlamat ini dicapai melalui ekonomi perbandaran inklusif dan persekitaran mampan. WKN perlu turut sama terlibat dalam menyumbang kepada laporan pencapaian negara di peringkat global.

Global Liveable Cities Index


Bandar-bandar semakin dinilai dari pelbagai kategori termasuklah dari segi kesejahteraan bandar, kualiti hidup dan daya saing bandar. Antara indeks kesejahteraan bandar yang boleh diaplikasikan dalam menilai kesejahteraan di WKN termasuklah menggunakan 'EIU's Global Liveability Index, Mercer's Quality of Life Index, Monocle's Most Liveable Cities Index and LKYSP's Global Liveable Cities Index'.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOAL 11

Make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable



Agenda Perbandaran Baharu 'Cities for All'



Global Liveable Cities Index

- Domestic security and stability
- Quality of life and diversity
- Environmental friendliness and sustainability
- Good governance and effective leadership
- Economic vibrancy and competitiveness



Geneva,
Switzerland



Zurich,
Switzerland



Singapura



Copenhagen,
Denmark

Sumber: LKYSP's Global Liveable Cities Index

5.2 Profil Demografi Penduduk WKN


Kawasan WKN merangkumi jumlah penduduk tertinggi di Malaysia, dengan tren pertumbuhan penduduk yang meningkat dari tahun 1991 sehingga tahun 2010 di beberapa kawasan termasuklah mukim Petaling, Damansara dan Klang. Keadaan ini berikutan peningkatan warga bekerja dan migrasi penduduk dari negeri lain ke WKN. Negeri Selangor menjadi penerima migran paling tinggi iaitu 40% daripada Kuala Lumpur dan hampir separuh daripada golongan ini terdiri daripada golongan belia (15-34 tahun).

Pada tahun 2016, sebanyak 7.84 juta orang menetap di WKN, di mana 52% daripadanya terdiri daripada kaum lelaki. Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA), 0.18 juta orang asli masih menetap di sekitar negeri Selangor.

Terdapat juga penduduk sementara yang merangkumi pekerja, pelajar dan

Rajah 5.2: Penduduk WKN mengikut umur

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016



pelawat yang memasuki kawasan WKN selama 24 jam bagi urusan-urusan tertentu dan menjadikan WKN sebuah hab bagi aktiviti ekonomi dan budaya serta sebagai kawasan tumpuan perumahan.


WKN menjadi kawasan tarikan bagi penduduk bukan warganegara Malaysia yang membentuk 9.0% daripada jumlah keseluruhan dan juga merupakan penerimaan yang tertinggi di Semenanjung Malaysia. Penduduk yang berbilang bangsa, agama dan budaya di WKN menjadi aset penting dalam membentuk komuniti yang lebih terbuka kepada budaya, fahaman dan kepercayaan yang berbeza.

Kepelbagaiannya turut disokong oleh konsentrasi institut pendidikan yang tinggi di WKN serta kemasukan pelajar antarabangsa dan keluarga yang juga memainkan peranan dalam memperkenalkan budaya baru di Malaysia.

Keterbukaan WKN untuk menerima penduduk yang berbilang bangsa dan dari latar belakang yang pelbagai menyokong konsep inklusif dalam pembentukan bandar kosmopolitan di Malaysia. Jumlah penduduk di WKN yang semakin meningkat pada dekad yang lepas diunjurkan akan terus bertambah dengan kependudukan yang mencapai populasi metropolitan yang melebihi 10 juta orang menjelang tahun 2030.

Rajah 5.3: Bangsa dan Etnik Penduduk di WKN

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016



Berikutnya pertumbuhan penduduk yang pesat di WKN pada masa hadapan, cabaran utama dilihat dari sudut penyediaan infrastruktur komuniti yang mampu menampung keperluan komuniti yang juga semakin meningkat. Pembangunan komuniti inklusif menjadi elemen penting bagi pembentukan WKN yang berdaya huni dan sejahtera. Sasaran komuniti inklusif dalam persekitaran yang berkualiti akan memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan dan keterlibatan komuniti melalui kolaborasi efektif.

Perubahan Komposisi Penduduk

Golongan kumpulan bekerja (umur di antara 15 - 59 tahun) membentuk majoriti penduduk di WKN dengan jumlah 69.2%. Ini diikuti golongan belia (umur di antara 15 - 29 tahun) yang membentuk 25.6% daripada penduduk di WKN.

Seiring dengan pembangunan wilayah, jumlah penduduk juga kian meningkat namun profil demografi diunjurkan akan berubah pada masa hadapan. Penduduk warga tua (kumpulan umur 60 tahun dan ke atas) diunjurkan meningkat lebih daripada 50% daripada jumlah penduduk pada tahun 2015. Ini berikutnya kadar pertumbuhan penduduk yang menurun disebabkan senario negara menua yang dihadapi Malaysia menjelang tahun 2040 serta kadar kesuburan yang juga semakin menurun.


Senario penduduk menua di WKN juga berkait rapat dengan kadar kelahiran kasar yang menurun, kadar kematian kasar serta kadar kesuburan wanita di Malaysia. Trend perkahwinan lewat juga memberi kesan kepada unjuran penduduk masa hadapan di mana golongan belia semakin menurun di negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur. Ini secara tidak langsung memberi kesan kepada tenaga kerja yang juga akan berkurang maka polisi perancangan menjelang tahun 2040 perlu lebih peka terhadap senario ini.

Dalam usaha untuk mencapai keselesaan dan kesejahteraan kehidupan di bandar, perancangan pada setiap peringkat perlu mengambil kira keperluan penduduk menua di WKN termasuklah elemen keselesaan, kemudahan sokongan, daya huni, keselamatan dan kecemasan.

Penyediaan perumahan serta fasiliti juga perlu lengkap, mudah akses, bersepadu, mesra pengguna dan sesuai dengan gaya hidup golongan ini. Golongan belia juga memberi kesan kepada penyediaan ruang kehidupan di bandar dari sudut pengintegrasian fungsi dan ruangan dalam bandar, penyediaan perumahan mampu milik, serta ruang aktiviti aktif yang mudah akses.

Rajah 5.4: Perubahan Komposisi Penduduk di WKN (Tahun 2015 dan unjuran tahun 2040)

Sumber: 1. Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016
2. Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035



Jadual 5.1: Kadar Kelahiran dan Kematian Kasar Malaysia, 2015

Sumber: Jadual Hayat Ringkas 2013-2016, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Negeri	Kadar kelahiran kasar	Kadar kematian kasar
Selangor	17.5	3.9
W.P Kuala Lumpur	14.5	4.3
W.P Putrajaya	34.6	2.3
MALAYSIA	16.7	5.0

Nota: Kadar adalah bagi setiap 1,000 penduduk

5.3 Kualiti Kehidupan Perbandaran Di WKN

Seiring dengan kehidupan perbandaran bagi bandar-bandar global dunia, WKN mensasarkan pembentukan bandar berdaya huni yang selamat, menarik, menggalakkan integrasi sosial, inklusif, mempraktikkan pembangunan dan persekitaran mampan serta menyediakan perumahan mampu milik yang pelbagai.

Berdasarkan *Social Progress Imperative*, kemajuan sosial sesebuah kawasan diukur dengan kapasiti sosial untuk mengakses keperluan asas, peningkatan kualiti kehidupan serta persekitaran yang menggalakkan kemajuan komuniti dan individu. *Indikator Social Progress Index* yang digunakan menilai progres sosial mengikut dimensi 'Basic Human Needs', 'Foundations of Wellbeing and Opportunity'.

Selaras dengan sasaran *New Urban Agenda* yang juga menekankan pembangunan komuniti inklusif, persekitaran kehidupan bandar di WKN yang lengkap dan berkualiti mampu menjana kesejahteraan komuniti yang merupakan aset utama dalam pembangunan negara.

Kesejahteraan komuniti mampu dibentuk melalui kesamarataan akses kepada keperluan asas termasuklah penyediaan perumahan yang sesuai dan selesa, kemudahan masyarakat yang lengkap, peluang pekerjaan, persekitaran yang aktif, selamat dan bersih serta keterlibatan komuniti yang dipupuk melalui kolaborasi yang efektif.

WKN sebagai wilayah bandar telah menetapkan taraf kehidupan perbandaran yang progresif dalam senario pembangunan di Malaysia. Menjadi cabaran utama bagi wilayah ini untuk memastikan taraf kehidupan perbandaran ditingkatkan dan dikongsi sama rata dalam semua komuniti di dalam daerah WKN.



Penanda Aras Kualiti Kehidupan Perbandaran

Aspirasi WKN untuk menjadi wilayah bandar yang mempunyai taraf dan kualiti kehidupan tinggi. Mengikut senarai Kualiti Kehidupan 2017 oleh sebuah firma konsultasi sumber manusia global, Mercer, Singapura telah disenaraikan sebagai bandar yang mempunyai kualiti hidup bandar yang tertinggi di Asia. Negara bandar itu telah menaiki satu anak tangga berbanding tahun sebelumnya apabila menduduki anak tangga yang ke-25 di peringkat global yang terdiri daripada 231 bandar raya yang lain.

Singapura menduduki tangga teratas di Asia sebagai bandaraya dengan kualiti hidup yang terbaik antaranya kerana infrastrukturnya yang cekap. Kemudahan infrastruktur bandar diambil kira dari segi bekalan bekalan elektrik, air minuman, perkhidmatan telefon dan mel elektronik, serta pengangkutan awam serta kesesakan lalu lintas dan pelbagai penerbangan antarabangsa yang terdapat di lapangan terbang tempatan. Infrastruktur memainkan peranan penting untuk syarikat multinasional membuat keputusan membuka cawangan luar negara.

Kualiti kehidupan bandar juga telah dinilai berdasarkan 10 kriteria antaranya politik dan sosial, ekonomi, sosio-budaya, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, pengangkutan awam, rekreasi, barang pengguna, kemudahan perumahan serta



Gardens By The Bay, Singapura

alam semula jadi. Aspek-aspek yang diambil kira amatlah penting dalam pembentukan wilayah konurbasi negara bagi memastikan kualiti kehidupan bandar yang lebih baik kepada seluruh penduduk dan ekspatriat.

Vienna juga merupakan bandar terbaik yang boleh dijadikan contoh dalam kualiti kehidupan bandar. Vienna merupakan bandar dengan kualiti kehidupan yang tertinggi didunia selama lapan tahun berturut-turut. Dengan jumlah penduduk seramai 1.8 bilion dari pelbagai bangsa, Vienna telah mendapat manfaat melalui kepelbagaian budaya dan muzium cafe serta teater dan opera yang terdapat dalam kawasan bandarnya.

Selain itu, dengan kos pengangkutan awam dan sewaan yang rendah dalam kawasan bandarnya yang membawa kepada kehidupan rakyat yang lebih sejahtera dan berkualiti tinggi. Tambahan pula, kekayaan Vienna sebagai bandar ke-5 terkaya di Eropah telah menyumbang kepada kestabilan negara disamping kewujudan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, pengangkutan awam, dan rekreasi yang tinggi seterusnya menyokong kepada pembentukan bandar Vienna yang sejahtera seterusnya membawa kepada kualiti kehidupan bandar yang sangat tinggi kepada penduduknya. Hal ini perlu dijadikan teladan dalam pembentukan wilayah konurbasi negara bagi memastikan kualiti kehidupan bandar berkualiti dan sejahtera yang terjamin kepada penduduk.

Senario Kehidupan Perbandaran di WKN

Perumahan di WKN

Majoriti penduduk di WKN menetap di negeri Selangor dengan direkodkan sebanyak 1.6 juta unit perumahan pada tahun 2012. Taburan perumahan di luar Kuala Lumpur yang berlaku ini pula berkait dengan situasi di mana pekerja terperangkap dalam kitaran harga harta tanah yang sangat tidak mampu milik di mana keperluan perumahan berada dalam kategori kritikal dengan 1.5 juta isi rumah di Malaysia tidak memiliki rumah.

Harga rumah di WP Kuala Lumpur berada dalam kategori yang tidak mampu dimiliki manakala harga rumah negeri Selangor pula berada dalam

kategori agak tidak mampu milik. Senario perumahan di pusat bandar utama adalah kritikal di mana jurang perbezaan di antara harga rumah ideal dan harga rumah sebenar yang mampu dimiliki masih besar dan memerlukan penyelesaian menyeluruh.

Kehadiran ini menyebabkan penduduk memilih untuk menetap di kawasan luar pusat bandar dan mengambil masa perjalanan yang lama setiap hari, dan seterusnya menyebabkan peningkatan kos sara hidup serta kekurangan masa terluang untuk bersenam dan untuk keluarga. Elemen ketersampaian penduduk menjadi cabaran utama dalam penyediaan perumahan berkualiti di WKN. Taburan penduduk yang meluas menyebabkan perlunya perancangan lebih peka terhadap keperluan komuniti dari sudut tempat tinggal dan ruang pekerjaan.

Akses kepada perumahan mampu milik di kawasan perbandaran WKN merupakan agenda utama. Penawaran perumahan di WKN yang lebih memberi fokus kepada pasaran penduduk berpendapatan tinggi menyebabkan golongan B40 dan M40 terus terpinggir. Keperluan golongan ini disediakan melalui program perumahan kerajaan yang pelbagai termasuklah Skim MyHome Rumah SelangorKu, PR1MA, RUMAWIP dan sebagainya mengikut pendapatan isi rumah. Dalam penyediaan perumahan mampu milik di dalam bandar pula; faktor kualiti, kepelbagaian dan

akses menjadi elemen utama dalam memastikan pembangunan sosial dan taraf kehidupan bandar yang saksama wujud dalam semua daerah di WKN. Ini termasuklah faktor keterhubungan kepada ruang pekerjaan, peluang pendidikan, ruang awam, kedai-kedai tempatan, perkhidmatan komuniti, kemudahan kesihatan serta peluang riadah dan kebudayaan yang boleh diakses menggunakan pilihan pengangkutan awam serta infrastruktur berbasikal dan berjalan kaki.


Dalam memastikan taraf kehidupan perbandaran yang saksama di WKN, kualiti perumahan mampu milik dilihat dari sudut konsep penyediaan perumahan dan pembangunan bercampur di pusat bandar yang akan memastikan akses yang lebih menyeluruh dan berkesan kepada pekerjaan dan kemudahan komuniti bersepadu. Kreativiti dan inovasi dalam penyediaan perumahan yang pelbagai seiring dengan konsep pembangunan mampan perlu diterapkan bagi memastikan penyediaan perumahan yang berkualiti dan berdaya huni di WKN.

Senario Kemampuan Pemilikan Rumah di Malaysia

Sumber:

1. Department of Statistics, Malaysia Household Income and Basic Amenities Survey Reports
2. Annual Report 2015, Bank Negara Malaysia

NISBAH HARGA RUMAH KE PENDAPATAN




Petunjuk

- [Blue Box] Benar-benar tidak mampu milik (>5.1)
- [Light Blue Box] Sangat tidak mampu milik (4.1-5.1)
- [Red Box] Agak tidak mampu milik (3.1-4.1)
- [Purple Box] Mampu milik (<3.0)

PERBEZAAN HARGA RUMAH IDEAL DAN SEBENAR



Rajah 5.5 Taburan Projek Perumahan Mampu Milik di WKN



Penyediaan Kemudahan Awam di WKN

Peningkatan cabaran-cabaran kesihatan seperti penyakit tidak berjangkit, digabungkan pula dengan urbanisasi yang berlaku di WKN pada skala yang besar; secara tidak langsung menjadikan bandar sebagai penentu kesihatan dan kesejahteraan bagi majoriti penduduk di WKN. Tema ‘kesihatan’ tidak lagi terhad kepada bilangan hospital dan klinik di sesuatu kawasan.

Persekitaran di mana penduduk menetap, bekerja, belajar dan menghabiskan masa terluang memberi impak signifikan kepada kesihatan dan kesejahteraan penduduk. Permasalahan kesihatan seperti obesiti, penyakit jantung kronik, tekanan fizikal dan mental berkait rapat dengan persekitaran di mana penduduk tinggal dan bekerja di WKN.

Persekitaran WKN memainkan peranan dalam menyokong pilihan gaya hidup individu termasuklah aktiviti fizikal dan corak pemakanan, peluang interaksi sosial yang positif dan inklusif, akses menyeluruh kepada sumber pekerjaan, makanan, perumahan, pengangkutan awam dan perlindungan daripada impak perubahan iklim.

- Kualiti Kemudahan Awam

Tahap penyediaan kemudahan awam berbeza di kawasan-kawasan perbandaran di WKN. Faktor kemudahsampaian kepada kemudahan awam yang berkualiti tidak disediakan secara sama rata di daerah-daerah yang terlibat.

Prinsip perancangan yang mengambil kira reka bentuk bandar untuk mengurangkan perlepasan karbon melalui amalan hijau dan meningkatkan akses kepada kemudahan awam melalui kaedah-kaedah mampan.

Perancangan yang holistik dan peka terhadap keperluan membentuk bandar yang berdaya huni, inklusif, sihat dan sejahtera, kualiti kehidupan komuniti dapat ditingkatkan. Kesihatan dan kesejahteraan bandar perlu menjadi teras dalam reka bentuk dan pembangunan bandar di WKN.

WP Putrajaya adalah contoh terbaik dalam tahap penyediaan kemudahan awam yang berkualiti di WKN. Terdapat perancangan bersepadan di pusat kejiranan dalam setiap presint perumahan di WP Putrajaya yang menyediakan kemudahan komersil, keagamaan dan pendidikan. Kompleks kejiranan juga lengkap dengan pelbagai kemudahan bagi memastikan penggunaan ruang yang optimum dan bersepadan. Penyediaan rangkaian pejalan kaki dan laluan berbasikal yang komprehensif di WP Putrajaya mematuhi keperluan fizikal pembangunan tanpa halangan yang dilengkapi landskap, mudah, selesa dan selamat.

Ruang awam yang selamat dan bersepadan menggalakkan penggunaan dan seterusnya menjadikan komuniti lebih aktif. Di samping meningkatkan interaksi komuniti, penggunaan fasiliti dan kemudahan awam yang lebih kerap akan menggalakkan lebih ramai penduduk terlibat dan meningkatkan perasaan selamat melalui reka bentuk persekitaran sosial.

Sering kali persekitaran di kejiranan yang merosot mempunyai akses yang terhad kepada kemudahan dan fasiliti awam berbanding dengan kawasan kejiranan yang lebih mewah. Sungguh pun begitu, persekitaran fizikal di WKN boleh dibentuk melalui pelbagai proses perancangan dan reka bentuk bagi memastikan peningkatan kualiti kehidupan yang sejahtera dan mampan.



Sumber: Putrajaya Low Carbon Green City Initiatives Report, 2012,
Perbadanan Putrajaya

- Kesediaan Kemudahan Awam

Penyediaan fasiliti dan kemudahan awam yang saksama dan memenuhi keperluan PBT juga merupakan jurang yang perlu diambil kira dalam penyediaan kemudahan awam di WKN. Sebagai contoh, penyediaan kawasan tanah perkuburan yang tidak mencukupi dan semakin sesak di WP Kuala Lumpur. Ruang tanah yang kurang untuk pengebumian berlaku berikutan pertumbuhan bandar yang pesat di WKN dan kurangnya ruang tanah rizab untuk menampung keperluan kubur yang semakin meningkat di sekitar bandar.

Selain itu, taman dan kawasan lapang secara umumnya merujuk kepada tanah yang dikhaskan untuk tujuan rekreasi dan sukan, kawasan pemeliharaan persekitaran semula jadi, penyediaan kawasan hijau atau kawasan pengurusan air ribut bandar (*stormwater management*). ‘Bringing people closer to nature’ perlu menjadi sasaran WKN dalam perancangan ke arah mewujudkan kesihatan dan kesejahteraan bandar.

Penyediaan kawasan lapang yang berkualiti akan melindungi dan meningkatkan nilai-nilai alam sekitar, budaya dan warisan di WKN. Maka, taman dan kawasan lapang ini hendaklah berada dalam keadaan baik, selamat dan diuruskan secara aktif.

Nisbah kawasan lapang dan rekreasi di WKN yang dijangka menurun menjelang tahun 2020 perlu diambil kira dalam perancangan pembangunan menjelang tahun 2040. Walaupun nisbah WKN menjangkau piawaian umum di Malaysia iaitu 2 hektar / orang, penanda aras yang boleh diambil kira termasuklah Singapura yang merupakan negara berdensiti tinggi namun mampu memastikan nisbah penyediaan kawasan lapang yang lebih luas bagi setiap penduduk.

Antara contoh isu berkait dengan penyediaan kawasan hijau termasuklah bantahan Persatuan Penduduk Taman Tun Dr Ismail terhadap cadangan projek bertingkat berhampiran Taman Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Impak jangka panjang pada keadaan kesihatan sosial dan alam sekitar menjadi prioriti utama komuniti dalam usaha membantah pengurangan kawasan lapang yang kian berlaku di WKN. Inovasi dalam projek pembangunan perlu diambil kira bagi memastikan perancangan yang mesra alam dan mampan tanpa perlunya pencerobohan pada kawasan hijau di bandar.

Rajah 5.6: Nisbah Kawasan Lapang

Sumber: PLANMalaysia, 2016



Nisbah kawasan lapang dan rekreasi semasa kepada penduduk semasa (Tahun 2015)


2.7 hektar / 1,000 orang



Nisbah kawasan lapang dan rekreasi semasa kepada penduduk masa hadapan (Tahun 2020)

2.5 hektar / 1,000 orang

Rajah 5.7: Perbandingan Kawasan Hijau di Bandar Berdaya Huni



Bantahan Persatuan Penduduk TTDI terhadap cadangan projek bertingkat berhampiran Taman Bukit Kiara

Kesihatan Bandar

Menurut 'World Health Organization' (WHO), majoriti penduduk memilih untuk menetap di kawasan bandar sejak tahun 2007. WKN merekodkan 73% penduduknya tinggal di kawasan bandar dan trend ini akan terus berlaku menjelang tahun 2040.

Kawasan bandar menyediakan peluang yang pelbagai bagi individu dan keluarga termasuklah persekitaran kehidupan yang sihat melalui akses yang dipertingkatkan ke perkhidmatan, fasiliti rekreasi dan kebudayaan. Namun begitu, penduduk di kawasan bandar masih menghadapi ancaman pada kesihatan.

Ciri-ciri bandar berbeza mengikut konteks tempatan, namun persamaan yang wujud dari aspek cabaran sosial dan kesihatan bandar termasuklah kesesakan, pencemaran udara, faktor risiko seperti penggunaan tembakau, aktiviti fizikal yang berkurang, diet pemakanan yang tidak sihat, kemalangan jalan raya, infrastruktur dan fasiliti awam yang tidak mencukupi, sistem pengurusan sisa pepejal yang tidak terurus serta akses yang terhad kepada kemudahan kesihatan.

Kesihatan bandar dilihat dari aspek fizikal dan mental penduduk di WKN melalui perkaitan asasnya. Terdapat pelbagai perkaitan di antara kesihatan mental dan kondisi fizikal kronik yang memberi impak signifikan ke atas kualiti kehidupan komuniti, permintaan perkhidmatan-perkhidmatan awam termasuklah fasiliti kesihatan yang dibiayai orang awam dan sebagainya.

Kenyataan WHO telah merumuskan '*There is no health without mental health*' dan perkaitan asas antara kesihatan fizikal dan mental ini boleh diperhatikan secara jelas melalui:

- Kesihatan mental yang lemah dan sangat serius adalah faktor risiko terhadap kondisi fizikal yang kronik; dan
- Individu yang mengalami kondisi fizikal yang kronik terdedah kepada risiko kesihatan mental yang lemah.

Sehubungan itu, penentu sosial yang berkait dengan elemen kesihatan memberi impak kepada kondisi fizikal yang kronik serta kesihatan mental komuniti. Antara aspek utama pencegahan ini termasuklah peningkatan aktiviti fizikal, akses kepada makanan yang berkhasiat, pendapatan yang mencukupi, penyertaan sosial, komuniti inklusif dan sokongan sosial.

Usaha ini memberi pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai perkaitan yang wujud di antara minda dan tubuh fizikal. Ia juga merupakan langkah pertama dalam mewujudkan strategi untuk mengurangkan insiden kondisi ini serta menyokong komuniti yang sedang mengalami kesihatan mental yang lemah dan kondisi fizikal yang kronik.

Jadual 5.2: Nombor Kemasukan Pesakit, 2013 dan 2015

Sumber: Fakta Rawatan Pesakit, Kementerian Kesihatan Malaysia

Kemasukan pesakit	2013	2015
Hospital Kerajaan		
Kemasukan		
Hospital	2,110,628	2,465,727
Special Medical Institutions	52,454	60,478
Pesakit Luar		
Hospital	19,353,222	20,260,479
Special Medical Institutions	268,104	311,952
Public Health Facilities	33,379,603	38,311,223
Hospital Swasta		
Kemasukan	1,020,397	1,064,718
Pesakit Luar	3,867,668	3,932,361
Jumlah	60,052,076	66,406,938

- Kesihatan Fizikal Komuniti

Insiden kesihatan fizikal diukur mengikut perbandingan kemasukan pesakit di hospital-hospital di Malaysia pada tahun 2013 dan tahun 2015. Peningkatan jumlah pesakit memberi gambaran umum keadaan kesihatan dan kesejahteraan penduduk di Malaysia. Gaya hidup komuniti, faktor keturunan, keadaan alam sekitar dan kualiti penerimaan rawatan kesihatan di WKN secara tidak langsung menentukan tahap kesihatan fizikal komuniti.

PENYEBAB UTAMA KEMASUKAN HOSPITAL

Peningkatan jumlah pesakit yang berlaku berikut:

- Kehamilan, melahirkan anak
- Penyakit sistem pernafasan
- Penyakit berjangkit dan berparasit
- Kondisi yang berkait dengan tempoh perinatal
- Kecederaan, keracunan dan faktor luaran lain
- Penyakit sistem peredaran darah
- Penyakit sistem pencernaan
- Penyakit sistem *genitourinary*
- Neoplasma*


Sumber: Fakta Rawatan Pesakit 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia

Golongan menua dan kurang upaya juga merupakan antara yang terkesan dari aspek kesihatan fizikal. Terdapat 1.1% penduduk berdaftar sebagai orang kurang upaya (OKU) di WKN dan golongan ini memerlukan bantuan di dalam perkara-perkara utama yang melibatkan penjagaan diri, mobiliti dan komunikasi berikutan kondisi kesihatan berjangka panjang (tidak sihat melebihi enam bulan), kurang upaya atau umur yang lanjut.

Di WKN, golongan OKU berdaftar melibatkan faktor yang pelbagai termasuklah kurang keupayaan penglihatan, pendengaran, fizikal, masalah pembelajaran, pertuturan, mental dan lain-lain lagi. PBT dan agensi pelaksana memainkan peranan signifikan dalam merancang dan menyediakan kemudahan-kemudahan mudah akses dan peka terhadap keperluan golongan OKU dalam komuniti.

Rajah 5.8: Golongan OKU Berdaftar, 2015

Sumber: Statistik Sosial, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015



Malaysia yang juga terkenal sebagai negara paling gemuk di Asia telah merekodkan peningkatan dalam kadar obesiti pada tahun 2016. Statistik terbaru ini menunjukkan penduduk Malaysia yang terlebih berat badan dan obes membentuk hampir separuh daripada penduduk 30 juta. Lebihan kalori yang diambil dan tidak digunakan melalui aktiviti fizikal menjadi punca utama berlakunya obesiti dalam kalangan penduduk di Malaysia.

Berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan, dilaporkan secara keseluruhan terdapat peningkatan bagi risiko penyakit tidak berjangkit dalam kalangan penduduk Malaysia. Usaha perlu terus dilaksanakan di semua peringkat termasuk PBT dalam menangani situasi ini di samping memastikan komuniti lebih peka terhadap penjagaan kesihatan dan kesejahteraan masing-masing.

Urbanisasi secara tidak langsung telah mengubah corak gaya hidup komuniti. Kawasan perbandaran sering dikaitkan dengan pelbagai kelebihan dari aspek mudah akses dan penyediaan fasiliti kesihatan. Namun, kawasan bandar juga meningkatkan risiko pendedahan komuniti kepada pelbagai penyakit kronik.

Kehidupan perbandaran di WKN memberi impak yang berkait dengan faktor perubahan tabiat pemakanan, aktiviti fizikal dan cara bekerja komuniti. Kemudahan pengangkutan dalam bandar serta kurangnya aktiviti fizikal komuniti boleh mempengaruhi risiko pendedahan kepada penyakit dan kebolehan individu dalam menguruskannya.

PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT DI MALAYSIA

Dalam kalangan penduduk berumur 18 tahun ke atas:

- 17.5% dengan anggaran 3.5 juta penduduk mengalami masalah diabetes di Malaysia
- 30.3% (1 daripada 3 orang) menghidap hipertensi dan melibatkan seramai 6.1 juta orang penduduk
- Hampir separuh 47.7% mempunyai paras kolesterol yang tinggi (9.6 juta orang)

Sumber: Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan, 2015

• Kesihatan Mental Komuniti

Seperti kesihatan fizikal, kesihatan mental penduduk di WKN juga boleh terjejas pada darjah-darjah yang berbeza melalui perkaitannya dengan keadaan emosi, pemikiran dan tingkah laku individu.

Secara amnya, individu yang mempunyai kesihatan mental yang stabil mampu mengendalikan kegiatan harian, bekerja untuk mencapai matlamat dan berfungsi dengan efektif di dalam komuniti. Menurut WHO, individu yang mempunyai kesihatan mental perlu mempunyai keadaan pemikiran yang membolehkannya memaksimumkan potensi dan menyumbang kepada masyarakat, membuat keputusan peribadi dan berinteraksi serta menyumbang kepada komuniti.

INSIDEN KESIHATAN MENTAL DI MALAYSIA

Dalam kalangan penduduk berumur 16 tahun ke atas:

- 29.2% dengan anggaran 4.2 juta penduduk mengalami masalah kesihatan mental di Malaysia
- 1 daripada 3 orang di Malaysia mengalami isu berkait dengan masalah mental
- Prevalen masalah kesihatan mental paling tinggi adalah di dalam umur 19 - 19 tahun dan dari golongan berpendapatan rendah

Sumber: Kenyataan Akhbar 2016, Menteri Kesihatan Malaysia

Kesihatan mental yang terjejas pula walaupun secara minor seperti gangguan emosi, tingkah laku dan pemikiran juga boleh memberi kesan kepada aktiviti sehari-hari, perhubungan dan fungsi individu tersebut dengan keluarga serta komuniti.

Masalah kesihatan mental di Malaysia telah meningkat sepanjang 10 tahun lepas (10.6% pada tahun 1996 dan 11.2% pada tahun 2006). Antara faktor utama yang menyumbang kepada masalah ini di Malaysia adalah krisis kewangan, tiada pekerjaan, stres pekerjaan, isu dan permasalahan keluarga seperti masalah hubungan, penceraian, kurang kemahiran keibubapaan, keganasan, penyalahgunaan substans dan faktor persekitaran.


Sokongan sosial perlu diberikan terutamanya di WKN di mana isu kos sara hidup yang tinggi dan insiden berkait dengan pekerjaan dan keseimbangan kehidupan-pekerjaan (*work-life balance*) sering berlaku.

Tinjauan yang dilaksanakan oleh Kelly Services Malaysia, *The Kelly Global Workforce Index (KGWI)* menyimpulkan bahawa 67% pekerja di Malaysia lebih cenderung untuk memilih persekitaran pekerjaan yang lebih baik berbanding pendapatan yang lebih tinggi.

Impak yang terhasil daripada senario urbanisasi di WKN perlu diambil kira agar tindakan sewajarnya dapat diambil untuk menangani impak negatif pada kesihatan penduduk bandar. Ini bagi memastikan bandar WKN yang membangun adalah bandar yang sihat dan sejahtera.

Rajah 5.9: Tinjauan Pilihan Pekerja di Malaysia, 2015

Sumber: Artikel BERNAMA dari www.freemalaysiatoday.com



5.4 Cadangan

Bagi memastikan kualiti kehidupan perbandaran yang berdaya huni, selamat, sihat dan inklusif, WKN harus memberi tumpuan untuk meningkatkan kualiti kesihatan dan kesejahteraan bandar seperti berikut:

3

Terdapat tiga (3) cadangan utama WKN bagi meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan bandar

KK1

Menambah baik Kualiti Perumahan
Mampu Milik

KK2

Menggalak Pembangunan Komuniti
Inklusif

KK3

Menambah Baik Kualiti Persekuturan Hidup
Sihat dan Kesejahteraan Bandar

KK1 Menambah Baik Kualiti Perumahan Mampu Milik


Seiring dengan perancangan yang mengambil kira kehidupan berkepadatan tinggi bagi menampung unjuran pertambahan penduduk menjelang tahun 2040, kawasan perumahan di WKN hendaklah peka terhadap keperluan melokasikan perumahan yang sesuai di lokasi yang sesuai. Penyediaan jenis rumah yang pelbagai hendaklah memenuhi keperluan, kawasan permintaan dan kemampuan pemilikan komuniti di WKN.

Kesediaan perumahan mampu milik perlu ditingkatkan bagi kumpulan B40 dan M40 melalui pembangunan perumahan bercampur di WKN. Perumahan yang mampu milik perlu ditempatkan berhampiran dengan ruang perkerjaan dan berada dalam lingkungan pengangkutan awam bagi mengurangkan kos pengangkutan dan sara hidup penduduk WKN.

Bagi mencapai kesejahteraan dan keselesaan kehidupan berkeluarga di WKN, pelbagai faktor perlu diambil kira termasuklah faktor kesesuaian saiz rumah, lokasi serta penyediaan kemudahan sokongan yang lengkap. Menjelang tahun 2040, Malaysia akan menjadi negara menua seiring dengan jangka hayat penduduk yang semakin meningkat. Namun begitu, kebanyakan warga tua kini tinggal sendiri atau dengan pasangan sahaja menurut laporan *International Council on Management of Population Programmes* dan *International Planned Parenthood Federation*.

Warga tua yang menetap sendiri telah meningkat ke 9% pada tahun 2014 dengan anggaran golongan wanita yang lebih cenderung menetap sendiri berbanding lelaki. Faktor-faktor ini telah membawa kepada keperluan untuk menjadikan WKN sebuah wilayah yang menerima dan memberi peluang kepada warga tua untuk bersara dan menetap di WKN yang sejahtera.

WKN akan terus menjadi tumpuan penduduk pada masa hadapan. Selaras dengan strategi mampan, perancangan di WKN hendaklah menekankan pembangunan semula kawasan usang dalam bandar dan menaik taraf pembangunan sedia ada untuk mencapai kapasiti maksimum tanpa pembukaan tanah baru yang dan mengelakkan rebakan bandar.



Perumahan mampu milik juga perlu dibangunkan mengikut model intensifikasi tanah di mana densiti ditingkatkan dengan menggalakkan penggunaan tanah, infrastruktur, sumber dan perkhidmatan yang lebih optimum. Galakkan konsep pembangunan bercampur yang menyediakan kemudahan komuniti bersepadu dengan kemudahsampaian yang berkesan merupakan pendekatan utama dalam sasaran pembangunan bandar yang berdaya huni di WKN mampu menjana kesejahteraan komuniti yang merupakan aset utama dalam pembangunan negara.

KK1.1 Menggalakkan Pembangunan Perumahan Pendapatan Bercampur

Pembangunan di WKN perlu mewujudkan perumahan pendapatan bercampur merangkumi pelbagai jenis kediaman dan kawasan kejiranan di WKN. Usaha ini menggalakkan pembangunan perumahan *multifamily* yang mempunyai pencampuran kumpulan pendapatan sebagai asas dalam pelaksanaan. Pembangunan perumahan berpendapatan campuran termasuklah pilihan unit perumahan yang pelbagai seperti pangsapuri, '*town homes*', perumahan bagi kumpulan bujang dan kumpulan berpendapatan pelbagai.

Pembangunan perumahan pendapatan bercampur ini merupakan strategi yang boleh diambil bagi mengurangkan jurang yang terhasil dari perbezaan pendapatan komuniti, termasuklah menyediakan pelbagai manfaat sampingan dalam sesuatu kejiranan, bandar dan penduduk di WKN terutamanya melalui perkongsian kemudahan awam yang boleh berlaku. Tindakan ini harus diterjermahkan dalam rancangan tempatan bagi setiap PBT di WKN.

Melalui kaedah yang berkesan dari sudut lokasi, reka bentuk dan pengurusan juga mampu menarik pelbagai kumpulan pendapatan dalam sesuatu kawasan. Pembangunan perumahan pendapatan bercampur juga secara tidak langsung akan menggalakkan penambahbaikan dan pemulihan sesebuah kawasan melalui peningkatan kualiti perumahan, penurunan kadar jenayah, peningkatan nilai hartanah serta perkhidmatan

awam yang semakin efisien. Mewujudkan perumahan pendapatan bercampur di dalam kawasan kejiranan di WKN juga menyediakan akses yang lebih berintegrasi, selamat, dan cekap bagi urusan sehari-hari komuniti setempat kepada seluruh penduduk dan ekspatriat.



Pewujudan taman atas bumbung di Via Verde yang merupakan pembangunan perumahan pendapatan bercampur di South Bronx, New York City. Pemilik dalam kawasan sekeliling bersetuju dengan idea taman komuniti sebagai kemudahan untuk jiran-jiran pelbagai untuk berinteraksi di samping mewujudkan integrasi sosial.



The Box District, Chelsea melalui perkongsian awam/swasta telah mewujudkan unit-unit perumahan, mentransformasikan kawasan gudang kepada kawasan perumahan pendapatan pelbagai.

Sumber: Urban Land Institute, Terwilliger Centre for Housing

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Memantau

- Kementerian Wilayah
- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Agensi Sokongan

- PLANMalaysia@ Selangor
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Lembaga Perumahan Negeri
- Syarikat Perumahan Negara Berhad
- PR1MA
- RUMAWIP
- Persatuan Penduduk

Kk1.2 Meningkatkan Penyediaan Perumahan Pelbagai Generasi (Multi Generation Homes)

Bagi menerapkan integrasi sosial dalam kawasan perumahan melalui kemudahan yang pelbagai bagi semua peringkat umur di WKN, penyediaan perumahan generasi pelbagai menjadi konsep yang sesuai dengan perancangan bagi golongan dan generasi yang pelbagai menjelang tahun 2040. Perumahan yang mampu milik, mudah akses dengan ruang yang mencukupi, mesra pengguna (melalui reka bentuk universal) dan berkualiti tinggi merupakan keperluan unik dalam perancangan perumahan di kawasan bandar seperti kawasan bandar seperti Bandaraya Kuala Lumpur, Ampang, Gombak, Selayang, Petaling Jaya, Kelana Jaya, Subang Jaya, Serdang, Seri Kembangan Puchong, Cheras, Kajang, Putrajaya, Shah Alam, Klang dan Sepang.

Perubahan demografi di Malaysia menjelang tahun 2040 merupakan faktor utama keperluan perumahan pelbagai generasi ini. Golongan warga tua yang semakin meningkat merupakan tren demografi masa kini di seluruh dunia. Faktor kos sara hidup di kawasan bandar yang semakin meningkat juga menggalakkan golongan bekerja memilih untuk masih menetap dengan kedua ibu bapa.



Castlemaine Court di Byfleet, Surrey merupakan pembangunan pelbagai generasi yang direka untuk menawarkan perumahan mampu milik, berkualiti tinggi, ruang bilik tidur yang mampu untuk kegunaan generasi pelbagai umur.

Sumber: www.housinglin.org.uk

Faktor ekonomi dan psikologi bagi generasi tua pula mendorong kepada keperluan untuk menetap bersama ahli keluarga sendiri dan meluangkan masa bersama berbanding keperluan untuk menetap di rumah penjagaan orang tua. Isi rumah pelbagai generasi ini termasuklah isi rumah yang mempunyai dua atau lebih generasi, atau yang termasuk generasi datuk dan nenek yang tinggal di dalam sesebuah rumah.

Ciri-ciri perumahan pelbagai generasi ini hendaklah disediakan dalam pelbagai reka bentuk dan saiz yang berbeza. Penentuan perumahan ini bersandar kepada keperluan keluarga dan kemampuan penduduk di sesuatu kawasan. Pemahaman keperluan unik isi rumah dalam setiap PBT dan daerah merupakan keperluan utama dalam menentukan penyediaan perumahan pelbagai generasi ini.

Kampung persaraan juga merupakan alternatif lain bagi menempatkan warga tua yang semakin meningkat. Prinsip pembangunan bagi warga tua di WKN perlu mengintegrasikan pelbagai faktor bagi memastikan perancangan persekitaran yang selamat, sihat dan sejahtera bagi golongan ini.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Memantau

- Kerajaan Negeri
- Kementerian Wilayah

Agensi Sokongan

- PLANMalaysia@ Selangor
- Unit Perancang Ekonomi Negeri
- Lembaga Perumahan Negeri
- Syarikat Perumahan Negara Berhad
- PR1MA
- RUMAWIP
- Persatuan Penduduk

KK1.3 Mewujudkan Perumahan Mesra Alam (*Eco-Friendly Homes*)

Penerapan ciri-ciri perumahan mesra alam bagi perumahan awam dan mampu milik di WKN merupakan inisiatif yang perlu dilaksanakan seiring dengan pembentukan wilayah bandar yang menepati komitmen global untuk mencapai pembangunan bandar mampan. Konsep perumahan mesra alam ini berbeza mengikut keperluan asas dan tahap inovasi kawasan setempat. Reka bentuk mampan dan inisiatif komuniti untuk mempraktikkan kehidupan mesra alam merupakan kaedah utama untuk memastikan kehidupan persekitaran yang sejahtera untuk generasi akan datang di WKN. Tindakan ini harus dipergiatkan di kawasan bandar seperti kawasan bandar seperti Bandaraya Kuala Lumpur, Ampang, Gombak, Selayang, Petaling Jaya, Kelana Jaya, Subang Jaya, Serdang, Seri Kembangan Puchong, Cheras, Kajang, Putrajaya, Shah Alam, Klang dan Sepang.

Melalui kolaborasi efektif pihak awam dan swasta, pelbagai inisiatif boleh dilaksanakan PBT pada peringkat awal untuk menggalakkan amalan mampan di dalam komuniti. Selain penggunaan reka bentuk inovatif dan teknologi baru dalam perumahan awam dan mampu milik di WKN, program kecil seperti 'pembelajaran eko' dan kebun komuniti merupakan antara program yang boleh dilaksanakan untuk menggalakkan komuniti WKN memahami dan menyedari tanggungjawab komuniti kepada alam sekitar.

Kaedah memanfaatkan sumber tenaga seperti penggunaan solar, angin dan lain-lain, meningkatkan kawasan hijau melalui kebun komuniti, pertanian dalam bandar, mengurangkan penggunaan tenaga dan air, mempraktikkan amalan kitar semula serta ciri-ciri reka bentuk bangunan hijau lain dalam sesuatu pembangunan.



Community in-Bloom di Heartlands, Singapore merupakan kerjasama baik antara HDB, NParks dan Jawatankuasa Penduduk yang bertujuan mempromosikan penghijauan dan mewujudkan integrasi sosial komuniti melalui aktiviti berkebun

Sumber: <http://www.hdb.gov.sg>

Konsep perumahan-eko direka untuk menjadi cekap tenaga dan mesra alam

Rumah lestari mempunyai permukaan yang telap, tidak memerlukan penggunaan air yang banyak, penggunaan semula air hujan

Pemasangan panel solar (solar aktif) untuk memanaskan rumah melalui penerimaan solar pasif

Tandas cekap air, reka bentuk paip padat, lekapan aliran rendah dan aplikasi penyalian air hujan



AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Memantau

- Kementerian Wilayah Persekutuan
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Agensi Sokongan

- Malaysian Green Technology Corporation
- Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC)
- Lembaga Perumahan Negeri
- PR1MA
- Syarikat Perumahan Negara Berhad
- Perbadanan Kemajuan Negeri
- RUMAWIP

KK1.4 Mewujudkan Pembangunan Baharu Bersepadu

Penyediaan hab pembangunan baharu yang menyediakan kemudahan pelbagai mengikut keperluan komuniti di WKN di lokasi yang mudah akses. Reka bentuk berkonsepkan TOD bagi memudahkan akses dan penyediaan kemudahan komuniti yang lengkap seperti pusat peniaga generasi baharu, pusat pengasuh, blok studio apartment yang lengkap dengan pusat aktiviti warga tua, pusat kesihatan serta pusat rawatan warga tua. Kemudahan lain termasuklah ruang komuniti di mana penduduk pelbagai umur boleh berkumpul dan menjalankan aktiviti dan minat masing-masing. Senario ini akan menghidupkan kawasan setempat di samping mengeratkan perhubungan dan integrasi sosial dalam komuniti di WKN.

Selain memastikan penyediaan perumahan di WKN yang berkualiti dan inovatif, perancangan kemudahan awam hendaklah diintegrasikan untuk memastikan ia memenuhi kehendak dan keperluan komuniti. Dalam usaha memastikan penyediaan kemudahan awam yang holistik untuk komuniti setempat, kerjasama antara agensi hendaklah dipupuk dalam mewujudkan integrasi dalam projek dan program di kawasan bandar seperti Bandaraya Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam, Puchong, Klang, Cheras, Kajang, Putrajaya, Sepang, Ampang, Gombak, Selayang, Serdang, Seri Kembangan, Kelana Jaya dan Subang Jaya. Perancangan dan reka bentuk keseluruhan pembangunan baharu bersepadu diterajui oleh prinsip-prinsip berikut:

- Kawasan yang 'hidup' dan menarik yang akan mewujudkan semangat dalam komuniti;
- Penyelaras penjagaan yang lancar; dan
- Pembangunan hijau dan berdaya huni di kawasan utama.



Konsep People Plaza bagi kegunaan komuniti di Singapura
Sumber: www.moh.gov.sg

1

KAWASAN YANG 'HIDUP' DAN MENARIK YANG AKAN MEWUJUDKAN SEMANGAT DALAM KOMUNITI

- Penyediaan kemudahan komersil dan pusat penjaja untuk meningkatkan pilihan bagi komuniti
- Penyediaan ruang komuniti yang menggalakkan interaksi sosial (Plaza Rakyat, kebun komuniti dan sebagainya)
- Blok studio apartment (SA) yang direka khas untuk warga tua yang aktif. Integrasi SA di dalam pembangunan baharu memberi kemudahan dan perkhidmatan *one-stop* bagi warga tua

2

PENYELARASAN PENJAGAAN YANG LANCAR

- Mengintegrasikan kelancaran dan mudah akses ke perkhidmatan sosial dan kesihatan dalam pembangunan baharu
- Penyediaan Pusat Aktiviti Warga Tua dan Pusat Penjagaan Kanak-kanak bagi memenuhi keperluan warga tua dan ibu bapa
- Penyediaan pusat kesihatan bagi pesakit luar untuk menerima konsultasi dan perkhidmatan diagnostik
- Pengintegrasian Pusat Penjagaan Warga Tua yang menyediakan perkhidmatan kesihatan dan sosial

3

PEMBANGUNAN HIJAU DAN BERDAYA HUNI DI KAWASAN UTAMA

- Penyediaan bandar hijau lengkap dengan landskap, kawasan teduh untuk pejalan kaki, tarikan komuniti dan aktiviti yang menarik di WKN

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Memantau

- Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Sokongan

- PLANMalaysia@Selangor
- Unit Kerjasama Awam Swasta
- Pejabat Tanah dan Galian
- Badan Bukan Kerajaan
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kementerian Belia dan Sukan
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

KK1.5 Membangunkan Semula Kawasan / Estet Perumahan Lama dan Meningkatkan Jumlah Kawasan Lapang

PBT perlu menjalankan program naik taraf yang mengetengahkan identiti unik / sejarah setiap daerah serta peningkatan kemudahan awam dan kawasan lapang seperti taman permainan, promenad, kawasan hijau dan lain-lain di kawasan masing-masing. Pembangunan semula memberi fokus kepada karakter dan aktiviti bandar, kawasan dan kemudahan komuniti serta perhubungan komuniti melalui naik taraf kawasan pejalan kaki dan laluan berbasikal.

Kawasan-kawasan strategik tetapi dalam keadaan mundur dan terbiar di dalam bandar hendaklah dipulihkan semula melalui langkah asas seperti aktiviti pembersihan dengan kerjasama PBT dan komuniti setempat. Pembangunan semula boleh dilaksanakan bagi mentransformasikan kawasan kepada penggunaan yang lebih sesuai seperti tujuan komersil, tempat letak kereta, kawasan pameran, kebun komuniti dan sebagainya.

Tindakan membangunkan semula kawasan perumahan lama dan usang yang lebih daripada 40 tahun ke atas seperti kawasan perumahan lama di Cheras, Wangsa Maju, Setapak serta Seksyen 14 dan 17 di Petaling Jaya akan memastikan kawasan ini berada selaras dengan reka bentuk dan kualiti kawasan lain di wilayah ini.

Sebarang cadangan pembangunan semula hendaklah berasaskan identiti dan personaliti unik atau elemen warisan yang wujud di setiap kawasan dalam mewujudkan daya tarikan kepada komuniti setempat. Ini bagi memastikan penduduk boleh menikmati pembaharuan dan peningkatan kualiti pada perkhidmatan komuniti seperti plaza komuniti, taman permainan, kawasan hijau dan sebagainya.

Dalam inisiatif pembaharuan semula, fokus perlu diberikan kepada:

1 KARAKTER

- Mempromosikan ciri-ciri dan identiti unik di kawasan bandar

2 KOMUNITI

- Mewujudkan atau membangunkan semula ruang komuniti sedia ada dalam usaha membentuk kerjasama komuniti setempat

3 KETERSAMBUNGAN

- Meningkatkan laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal untuk memajukan perhubungan di dalam bandar



Contoh pembangunan semula kawasan di Singapura
Sumber: www.gov.sg

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Pihak Berkuasa Tempatan
- Badan Bukan Kerajaan

Agensi Memantau

- PLANMalaysia@ Selangor

Agensi Sokongan

- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persatuan Penduduk

KK2 Menggalak Pembangunan Komuniti Inklusif

Dalam memastikan komuniti di WKN bergerak ke arah pembangunan inklusif dan berdaya tahan, pembentukan komuniti sejahtera merupakan agenda yang terus diperkasa bagi mewujudkan semangat perpaduan dan keterlibatan komuniti yang dipupuk melalui penglibatan dan kolaborasi efektif.

Komuniti inklusif ini hendaklah digalakkan melalui integrasi sosial dalam memastikan setiap lapisan komuniti mempunyai akses yang saksama kepada keperluan dasar yang berkualiti. Penglibatan komuniti ini juga yang bersatu dan memberi input, pandangan dan tenaga dalam memastikan kualiti persekitaran setempat terus aktif, sihat dan selamat juga merupakan elemen utama dalam pembangunan komuniti inklusif di WKN.

Inisiatif komuniti ini dibentuk melalui keterlibatan mereka dan kolaborasi yang terbentuk dengan pelbagai pihak dalam usaha meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup komuniti setempat.

- Interaktif dan Integrasi
- Saksama dan Tanpa Halangan
- Kolaborasi
- Kepelbagai
- Keterlibatan
- Selamat
- Terbuka dan Sensitif



KOMUNITI INKLUSIF
& BERDAYA HUNI

KK2.1 Menggalakkan Interaksi dan Penglibatan Komuniti

Pelaksanaan reka bentuk kejiranan dan ruang awam di WKN yang menggalakkan interaksi komuniti hendaklah diterapkan di dalam perancangan pembangunan komuniti inklusif. Kemudahan awam yang mudah akses dengan perletakan yang sesuai dan kemudahsampaian yang berkesan akan menggalakkan kawasan kejiranan yang lebih bersepadu. Inisiatif ini termasuklah mewujudkan laluan yang mengintegrasikan ruang sosial di sepanjang laluan bagi menggalakkan interaksi komuniti.

Perkongsian pelbagai di dalam satu bangunan komuniti yang berfungsi sebagai hab komuniti dan boleh diakses oleh semua lapisan komuniti merupakan antara pendekatan utama yang boleh dilaksanakan di setiap PBT. Mengoptimumkan penggunaan tanah di kawasan perbandaran ini bagi mewujudkan ruangan awam bersama merupakan konsep yang lebih praktikal dalam membentuk interaksi sosial dalam komuniti.

Antara konsep yang sering diperlakukan adalah pembentukan hab komuniti pelbagai fungsi yang menggalakkan ruang interaksi dan penglibatan komuniti. Hab komuniti ini merupakan ruangan pelbagai yang terletak di dalam sesebuah kluster, lokasi atau bangunan yang sama.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Memantau

- PLANMalaysia
- Kerajaan Negeri

Agensi Sokongan

- Badan Bukan Kerajaan

KK2.2 Mewujudkan Ruang Aktif dalam Kawasan Komuniti

Mewujudkan ruang integrasi sosial yang mampu memupuk semangat '*sense of belonging*' di kawasan bandar seperti di Bandaraya Kuala Lumpur, Ampang, Gombak, Selayang, Petaling Jaya, Kelana Jaya, Subang Jaya, Serdang, Seri Kembangan Puchong, Cheras, Kajang, Putrajaya, Shah Alam, Klang dan Sepang. Ini kerana ia merupakan elemen utama dalam pembentukan ruang aktif dalam kawasan komuniti.

Ruang awam yang aktif boleh dilaksanakan melalui perwujudan tempat di kawasan-kawasan sedia ada dengan usaha menyuntik aktiviti dan daya tarikan baharu serta menghidupkan semula kawasan lama dengan mengembalikan aktiviti dan pekerjaan di kawasan ini. Kawasan terbiar dan usang boleh dihidupkan semula dengan menjadikan ruangan ini sebagai taman-taman kecil bagi tujuan rekreasi dan bersosial bagi komuniti setempat.

Ruang-ruang awam ini boleh diperluaskan kegunaannya dengan mewujudkan identiti, karakter dan tarikan sendiri yang menjadi daya tarikan kepada komuniti serta menjadi kawasan penjanaan ekonomi bagi komuniti di WKN. Bagi memastikan keberkesanan yang menyeluruh, melalui pembentukan persatuan penduduk, komuniti setempat digalakkan untuk bekerjasama dan melibatkan diri dalam mengenal pasti ruang awam yang berpotensi untuk dijadikan kawasan tumpuan awam.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Pihak Berkuasa Tempatan
- Badan Bukan Kerajaan

Agensi Memantau

- Pihak Berkuasa Tempatan
- Kerajaan Negeri

Agensi Sokongan

- PLANMalaysia@ Selangor
- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persatuan Penduduk



KK3 Menambah Baik Kualiti Persekutaran Hidup Sihat dan Kesejahteraan Bandar

Peningkatan cabaran-cabaran kesihatan seperti penyakit tidak berjangkit, digabungkan pula dengan urbanisasi yang berlaku di WKN pada skala yang besar; secara tidak langsung menjadikan bandar sebagai penentu kesihatan dan kesejahteraan bagi majoriti penduduk di WKN. Terma ‘kesihatan’ tidak lagi terhad kepada bilangan hospital dan klinik di sesuatu kawasan.

Persekutaran di mana penduduk menetap, bekerja, belajar dan menghabiskan masa terluang memberi impak signifikan kepada kesihatan dan kesejahteraan penduduk. Permasalahan kesihatan seperti obesiti, penyakit jantung kronik, tekanan fizikal dan mental berkait rapat dengan persekitaran di mana penduduk tinggal dan berkerja di WKN.

Persekutaran WKN memainkan peranan dalam menyokong pilihan gaya hidup individu termasuklah aktiviti fizikal dan corak pemakanan, peluang interaksi sosial yang positif dan inklusif, akses menyeluruh kepada sumber pekerjaan, makanan, perumahan, pengangkutan awam dan perlindungan daripada impak perubahan iklim.

Perancangan yang tidak efektif dan proaktif seiring dengan urbanisasi yang berlaku akan mengakibatkan kewujudan persekitaran bandar yang tidak sihat. Sebaliknya, dengan perancangan yang holistik dan peka terhadap keperluan membentuk bandar yang berdaya huni, inklusif, sihat dan sejahtera, kualiti kehidupan komuniti dapat ditingkatkan. Kesihatan dan kesejahteraan bandar perlu menjadi teras dalam reka bentuk dan pembangunan bandar di WKN.

INFO RINGKAS: PERSEKITARAN BANDAR PENENTU KESIHATAN KOMUNITI



PERUMAHAN, PEMILIKAN TANAH & SEKURITI

Penempatan yang tidak mencukupi, sesak dengan kondisi yang merosot meningkatkan risiko pada kesihatan melalui ancaman alam sekitar, keganasan dan jenayah, masalah pernafasan, penyakit berjangkit dan masalah kesihatan mental



AIR

Bekalan air minum yang tercemar hasil daripada bekalan yang tidak boleh dipercayai dan amalan penyimpanan air yang tidak efektif



SANITARI

Akses terhad kepada ‘improved sanitation’ di mana tandas rumah disambungkan ke pembetung, septik, kompos atau pit tertutup. Di peringkat global, 3% kematian disebabkan penyakit ciri-birit kerana air minum yang tidak selamat, isu sanitari dan kebersihan



MAKANAN

Akses kepada makanan selamat, berkualiti dan cukup. Penduduk miskin bandar meningkatkan kebergantungan kepada makanan jalanan, makanan segera serta makanan disproses dan murah yang mengakibatkan obesiti, diabetes dan masalah kardiovaskular



PENGANGKUTAN BANDAR

Kebergantungan dan peningkatan trafik bandar meningkatkan pencemaran udara, risiko kemalangan jalan raya dan pengurangan aktiviti fizikal yang merupakan faktor utama pendedahan kepada penyakit kardiovaskular, diabetes dan kanser

INFO RINGKAS: PERSEKITARAN BANDAR PENENTU KESIHATAN KOMUNITI



PENDEDAHAN BUNYI

Terhasil daripada pengangkutan dan kerja pembinaan. Pendedahan yang kuat dan berterusan dikaitkan dengan masalah pendengaran, tekanan darah tinggi dan penyakit kardiovaskular.



PENCEMARAN UDARA

Terhasil daripada pengangkutan bandar, pembakaran terbuka dan bahan api industri, bahan api pepejal untuk memasak dan sebagainya. Pendedahan ini dikaitkan dengan kanser paru-paru kronik, jangkitan pernafasan dan pneumonia.



PERSEKITARAN SOSIAL

Ciri-ciri permasalahan sosial bandar termasuklah tekanan sosial berkait dengan penyalahgunaan dadah, keganasan dan tekanan sosial seperti pengasingan sosial dan kemiskinan tegar.



PERKHIDMATAN SOSIAL DAN KESIHATAN

Akses perkhidmatan bagi golongan miskin bandar dengan keupayaan terhad untuk membayar. Bagi konteks perkhidmatan kesihatan percuma pula, ubat-ubatan memerlukan bayaran, waktu operasi tidak fleksibel dan perkhidmatan tidak berkualiti.



PERUBAHAN IKLIM

Faktor lokasi persisiran pantai dan pendedahan kepada impak urban-heat yang menaikkan suhu di bandar melalui penyerapan haba yang tinggi. Ruang bandar yang padat mempunyai keupayaan rendah untuk proses penyejatan, memberi impak gas rumah hijau dan membawa risiko kepada kesihatan komuniti.

KK3.1 Menggalakkan Persekitaran Sosial Yang Mudah Akses dan Selamat

Penyertaan sosial di dalam masyarakat WKN merujuk kepada komuniti yang diberi peluang untuk menyertai atau melibatkan diri sepenuhnya dalam senario politik, kebudayaan, kemasyarakatan dan ekonomi.

Penyertaan sosial membawa kepada peningkatan kesepadan sosial dan tahap kesihatan dalam komuniti. Mereka bentuk kemudahan awam yang menggalakkan pertemuan dan interaksi sosial dalam komuniti boleh meningkatkan '*sense of belonging*' dan membawa kepada semangat kemasyarakatan yang positif dan seterusnya meningkatkan kesihatan mental komuniti.

Aktiviti harian seperti berbasikal, berjalan kaki di tempat awam dan penggunaan pengangkutan awam mampu merangsang insiden interaksi sosial di jalanan di samping memberi manfaat kepada kesihatan penduduk.

Persekitaran sosial yang mudah akses dapat diwujudkan di sekitar di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur, Ampang, Gombak, Selayang, Petaling Jaya, Kelana Jaya, Subang Jaya, Serdang, Seri Kembangan Puchong, Cheras, Kajang, Putrajaya, Shah Alam, Klang dan Sepang. Komponen yang harus diambil kira adalah termasuklah:

- Mewujudkan pusat-pusat aktiviti yang reponsif kepada keperluan penduduk baru dan sedia ada, serta dilokasikan secara strategik di dalam pembangunan bagi pejalan kaki, penunggang basikal dan pengguna pengangkutan awam;
- Menyambungkan rangkaian laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal serta menyediakan akses mudah ke lokasi utama dalam komuniti;
- Melaksanakan pengawasan aktif dan pasif ke atas kawasan awam;

- Mewujudkan kejiranan yang menggalakkan pejalan kaki dan mudah akses kepada pengguna temasuklah OKU dan warga emas;
- Menggalakkan perkongsian fungsi kemudahan awam seperti pusat komuniti bagi memudahkan akses penyertaan penduduk dalam program kemasyarakatan dan penglibatan dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan; dan
- Menggalakkan pembangunan bercampur bagi jenis dan densiti perumahan serta kemudahan awam lain.

Persepsi keselamatan komuniti mempengaruhi penggunaan ruang dan kawasan awam. Reka bentuk ruang awam dan jalanan di WKN dapat mengurangkan jenayah dan meningkatkan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial komuniti. Ruang awam yang selamat dan bersepadan menggalakkan penggunaan dan seterusnya menjadikan komuniti lebih aktif.

Di samping meningkatkan interaksi komuniti, penggunaan fasiliti dan kemudahan awam yang lebih kerap akan menggalakkan lebih ramai penduduk terlibat dan meningkatkan perasaan selamat melalui reka bentuk persekitaran sosial.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Memantau

- PLANMalaysia@Selangor
- Kerajaan Negeri


Agensi Sokongan

- Polis DiRaja Malaysia
- JKR
- Persatuan Penduduk
- Badan Bukan Kerajaan

INDEKS DAN PERSEPSI JENAYAH DI MALAYSIA

- Indeks jenayah menurun 4.2% dari tahun 2011 ke tahun 2015 membuktikan program-program pencegahan dan pembasmian jenayah dianjurkan polis telah berjaya
- Namun, persepsi jenayah masih rendah. Ini disebabkan prasangka terhadap penurunan kadar jenayah serta jenayah kecil yang memberi kesan kepada persepsi awam
- Oleh itu, tumpuan diberikan kepada insiden ragut, samun tanpa senjata api dan samun berkumpulan tanpa senjata
- Penyertaan awam melalui aktiviti sukarela membina keyakinan komuniti, menggalakkan kecemerlangan dalam sistem keadilan jenayah dan meningkatkan profesionalisme pegawai polis

Sumber: <http://www.nst.com.my/news/2016/12/198288/crime-index-goes-down-perception-safety-remains-low>



Di Rio de Janeiro, ketersampaian pengangkutan merupakan faktor utama dalam memastikan mudah akses komuniti ke ruang pekerjaan di bandar

KK3.2 Mengintegrasikan Amalan 'Urban Farm' Bagi Menjamin Ekonomi dan Ekosistem Bandar

Cabaran kesihatan bandar yang berlaku disebabkan perancangan yang tidak efektif dan proaktif menghasilkan kawasan-kawasan di bandar yang tidak berhubung, bandar yang sesak dan tercemar, akses terhad kepada perumahan mampu milik, perkhidmatan dan pekerjaan, pengecualian sosial serta masalah kesihatan. Kejiraninan yang mempunyai status sosio-ekonomi yang rendah juga dikaitkan dengan pelaksanaan aktiviti fizikal yang rendah dan keadaan ini secara tidak langsung memberi impak kepada kesihatan komuniti.

Isu-isu kesihatan jarang dikaitkan dalam keperluan perumahan walaupun aspek kualiti, reka bentuk dan konteks perumahan mempunyai kesan signifikan kepada kesihatan dan kesejahteraan bandar. Penyediaan perumahan yang sesuai bagi penduduk di lokasi yang sesuai menjadi sasaran perumahan di WKN. Ini termasuklah menyediakan perumahan mampan dan berkualiti serta akses kepada perkhidmatan yang lengkap.

Kesesakan yang berlaku akan memberi tekanan ke atas perumahan dan perkhidmatan di sesetengah kawasan. Peningkatan kos perumahan juga memberi impak kepada kewangan isi rumah dan boleh menjelaskan keseimbangan pemakanan dan penjagaan kesihatan keluarga. Kadar urbanisasi yang pesat berlaku seiring dengan peningkatan kemiskinan bandar dan sekuriti makanan bandar yang rendah.

Akses yang terhad kepada makanan sihat dan kos makanan segar di WKN merupakan isu penting yang perlu diambil kira dalam usaha menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan bandar. Dari segi kewangan, pemakanan sihat sukar diamalkan golongan berpendapatan rendah.

Pertanian dalam bandar merupakan amalan majoriti bandar yang pesat membangun. Amalan ini turut diintegrasikan ke dalam ekonomi dan ekosistem bandar dan memberi impak positif dalam mewujudkan bandar yang sihat. Tindakan ini harus digalakkan di setiap kawasan PBT bagi mempromosikan aktiviti dan program pertanian dalam bandar.

Antara kelebihan pertanian dalam bandar ini termasuklah:

- Meningkatkan kualiti persekitaran bandar melalui ruang hijau yang mengurangkan pencemaran dan pemanasan global;
- Menyokong pengeluaran makanan tempatan yang menjimatkan penggunaan tenaga, kos pengangkutan dan penyimpanan makanan;
- Mewujudkan sumber makanan tempatan untuk komuniti berpendapatan rendah dan meningkatkan akses kepada makanan segar;
- Menggalakkan penglibatan komuniti dalam mengintegrasikan idea tempatan; dan
- Mengamalkan pendekatan merentas sektor untuk mewujudkan penyelesaian sistematik yang mengatasi masalah perbandaran dan meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan bandar.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Memantau

- PLANMalaysia@Selangor
- Kerajaan Negeri

Agensi Sokongan

- Kementerian Pertanian dan Industri Asas tani
- Jabatan Pertanian Malaysia
- Persatuan Penduduk
- Badan Bukan Kerajaan

Inisiatif Kebun Komuniti Shah Alam, Selangor

Program Pertanian Bandar ini atau dikenali sebagai Kebun Komuniti diusahakan pada September 2014 dengan kerjasama antara PBT dengan Persatuan Penduduk Lapan Timur (PP8T), Seksyen 8, Shah Alam. Melalui inisiatif ini, taklimat dan kursus pengendalian tanaman telah dikendalikan kepada Persatuan Penduduk Lapan Timur (PP8T) sebagai proses penyediaan kebun komuniti tersebut.



Aktiviti Kebun Komuniti di Shah Alam, Selangor.

Sumber: www.mbsa.gov.my

KK3.3 Menggalakkan Reka Bentuk Aktif di Kawasan Bandar

Sering kali persekitaran di kejiranan yang merosot mempunyai akses yang terhad kepada kemudahan dan fasiliti awam berbanding dengan kawasan kejiranan yang lebih mewah. Sungguh pun begitu, persekitaran fizikal di WKN boleh dibentuk melalui pelbagai proses perancangan dan reka bentuk bagi memastikan peningkatan kualiti kesihatan di sekitar kawasan bandar yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai seperti di Bandaraya Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam, Puchong, Klang, Cheras, Kajang, Putrajaya, Sepang, Ampang, Gombak, Selayang, Serdang, Seri Kembangan, Kelana Jaya dan Subang Jaya.

Reka bentuk bandar street-scale dan pendekatan guna tanah bersepadu mampu menyokong aktiviti fizikal dan meningkatkan jaminan keselamatan komuniti. Beberapa negara telah mengaplikasikan konsep ‘reka bentuk aktif’ di dalam garis panduan bagi menangani obesiti dan penyakit-penyakit yang berkaitan dengan menggalakkan aktiviti fizikal melalui reka bentuk persekitaran kejiranan bandar.

Usaha menggalakkan pengangkutan aktif (*active transport*) termasuklah penggunaan pengangkutan tidak bermotor dan melibatkan aktiviti fizikal seperti berbasikal dan berjalan kaki. Pengangkutan awam bagi perjalanan berjarak jauh juga termasuk dalam konsep ini. Keberkesaan pengangkutan aktif akan dapat meningkatkan tahap aktiviti fizikal komuniti dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau yang memberi impak pada kesihatan dan kesejahteraan bandar di WKN.

Pelaksanaan pengangkutan aktif ini memerlukan struktur bandar yang direka dengan memastikan aktiviti berjalan kaki dan berbasikal adalah mudah, selesa dan selamat. Ameniti yang lengkap juga perlu disediakan terutamanya di destinasi utama seperti tempat kerja, sekolah dan kawasan pembangunan bercampur.

Keberkesaan pengangkutan aktif akan dapat meningkatkan tahap aktiviti fizikal komuniti dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau yang memberi impak pada kesihatan dan kesejahteraan bandar di WKN.

Pelaksanaan pengangkutan aktif ini memerlukan struktur bandar yang direka dengan memastikan aktiviti berjalan kaki dan berbasikal adalah mudah, selesa dan selamat. Ameniti yang lengkap juga perlu disediakan terutamanya di destinasi utama seperti tempat kerja, sekolah dan kawasan pembangunan bercampur.

Amalan lain termasuklah penyediaan ruang awam yang berkualiti dan dalam keadaan yang baik, lampu dan pencahayaan jalanan yang berfungsi sebaiknya atau projek-projek infrastruktur yang meningkatkan kemudahan akses dan keselamatan pejalan kaki, perhubungan jalan-jalan yang lebih bersepadu, langkah dan usaha 'traffic calming' serta peningkatan estetika jalanan melalui landskap yang bersesuaian.

Usaha-usaha ini membentuk persekitaran yang selamat di dalam dan di luar bangunan termasuklah dari sudut menyekat pendedahan kepada pencemaran udara dan bunyi terutamanya pelepasan daripada kenderaan. Reka bentuk persekitaran bandar juga boleh menyumbang dalam mengurangkan rekod jenayah dan keganasan di WKN.



laluan pejalan kaki di Putrajaya



Strøget Copenhagen, pusat membeli belah pejalan kaki terpanjang di dunia

INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN HIJAU MEWUJUDKAN KOMUNITI BERDAYA HUNI

- Integrasi sistem mobiliti multimodal dan rangkaian pejalan kaki, laluan berbasikal dan pengangkutan awam dengan komponen masyarakat
- Laluan dedikasi untuk pejalan kaki dan berbasikal
- Mewujudkan rangkaian pejalan kaki dan rangkaian bangunan ke bangunan
- Laluan dan rangkaian ini menghubungkan pelbagai jenis perumahan dengan tempat-tempat yang sering dikunjungi (tempat kerja, sekolah, kedai runcit, pusat beli-belah, taman, klinik, pusat rekreasi dan lain-lain.)
- Kawasan hijau juga disediakan sebagai tempat untuk komuniti berehat, berekreasi dan bersosial

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Sokongan

- Agensi Pengangkutan Awam Negeri
- Jabatan Landskap Negara
- Badan Bukan Kerajaan

Agensi Memantau

- PLANMalaysia@ Selangor
- Kerajaan Negeri

KK3.4 Meningkatkan Penyediaan Kawasan Lapang dan Rekreasi yang Berkualiti dan Saksama

Penggunaan kawasan hijau yang selamat dan menarik menggalakkan peningkatan aktiviti fizikal di dalam komuniti di WKN terutamanya bagi kawasan petempatan yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai seperti di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur, Ampang, Gombak, Selayang, Petaling Jaya, Kelana Jaya, Subang Jaya, Serdang, Seri Kembangan Puchong, Cheras, Kajang, Putrajaya, Shah Alam, Klang dan Sepang. Rajah 5.10 adalah menunjukkan taburan kawasan lapang dan rekreasi sedia ada dan masa hadapan di sekitar WKN.

Aktiviti fizikal yang berlaku memanfaatkan kesihatan penduduk termasuklah kesihatan mental, meningkatkan keyakinan diri, mengawal emosi individu serta mengurangkan risiko darah tinggi dan diabetes. Persekutuan semula jadi ini juga menggalakkan interaksi dan integrasi sosial dalam komuniti yang seterusnya akan membantu dalam meningkatkan persepsi orang awam berkaitan faktor keselamatan di WKN. Persekutuan semula jadi di WKN perlu digalakkan melalui daya tarikan, tahap kesampaian dan kebolehgunaan seperti berikut:

- Tarikan kawasan lapang yang menyenangkan, mesra pengguna dan lengkap dengan perkhidmatan asas seperti tempat duduk, air pancut, lampu yang sesuai dan lain-lain;
- Aksesibiliti yang memastikan kawasan lapang merangkumi seluruh kawasan WKN dan menyediakan akses yang saksama dan mudah bagi penduduk pelbagai umur, mempunyai rangkaian yang mudah akses untuk pejalan kaki dan penunggang basikal serta disambungkan kepada rangkaian kawasan lapang yang lebih luas; dan
- Kebolehgunaan yang memastikan kawasan lapang yang mempunyai saiz dan bentuk bersesuaian dengan tujuan penggunaan taman, serta memastikan penggunaan maksimum dan saksama bagi pengguna pelbagai umur

dan kemampuan.

Kesan terhadap alam sekitar akibat perubahan iklim juga boleh menjadikan kesihatan penduduk di WKN secara langsung dan tidak langsung. Kesan secara langsung kepada komuniti WKN termasuklah penyakit yang berkait dengan pernafasan seperti asthma, demam alergi dan penyakit jantung jangka panjang disebabkan pendedahan kepada pencemaran udara; risiko kanser disebabkan peningkatan tempoh dan intensiti radiasi *ultraviolet*; penyakit bawaan pemakanan melalui makanan yang tercemar serta



Taman Bukit Kiara, Kuala Lumpur



Taman Desa Parkcity, Kuala Lumpur

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Memantau

- PLANMalaysia@ Selangor
- Kerajaan Negeri

Agensi Sokongan

- Jabatan Landskap Negara
- Badan Bukan Kerajaan

Rajah 5.10 Kawasan Lapang dan Rekreasi Sedia Ada dan Masa Hadapan

